



29 JUL, 2024

FAMA catat jualan Keseluruhan RM1.2 bilion

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA catat jualan keseluruhan RM1.2 bilion

KOTA BHARU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan jualan keseluruhan sebanyak RM1.2 bilion hingga Jun tahun ini menerusi pelbagai program anjurannya di seluruh negara.

Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipli berkata berdasarkan jumlah itu, pihaknya yakin mampu meraih baki RM800 juta menjelang akhir tahun ini, sekali gus mencapai sasaran jualan RM2 bilion yang ditetapkan

kan bagi 2024.

"Jualan Agro MADANI antara program yang mencatat jualan tertinggi, iaitu sekitar RM80 juta menerusi 4,102 siri jualan, selain FAMA Fest dan cawangan jualan FAMA lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan FAMA Fest di sini, baru-baru ini.

Aminuddin berkata, FAMA Fest yang mula dilaksanakan pada 2017 hingga tahun lepas mencatatkan

jualan sebanyak RM24 juta dengan penyertaan 2,180 usahawan dan bagi penganjuran tahun ini, pihaknya menyasarkan jualan sebanyak RM7.85 juta melibatkan 755 usahawan.

Program itu katanya, membantu usaha pemulihan ekonomi setempat dan memberi impak yang besar menerusi padanan perniagaan serta jualan terus daripada usahawan kepada pengguna.

Beliau memaklumkan terdapat lapan lokasi FAMA Fest sepanjang tahun ini dengan enam lokasi sudah diadakan termasuk di Kelantan pada 24 hingga 28 Julai ini, diikuti Kuala Lumpur dan Sabah tidak lama lagi. -Bernama



BELI... Pengunjung mengambil kesempatan membeli produk petani, peladangan dan penternak ketika hadir ke FAMA Fest 2024 @ Negeri Selangor di tapak pakir sebuah pasar raya di Bukit Tinggi, Klang. • Foto BERNAMA



29 JUL, 2024

FAMA catat jualan Keseluruhan RM1.2 bilion

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan jualan keseluruhan sebanyak RM1.2 bilion hingga Jun tahun ini menerusi pelbagai program anjurannya di seluruh negara. Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipli berkata berdasarkan jumlah itu, pihaknya yakin mampu meraih baki RM800 juta menjelang akhir tahun ini, sekali gus mencapai sasaran jualan RM2 bilion yang ditetapkan

bagi 2024.